



جَابَتْ مِيقَاتِنِي كَيْ فَهَّمَ

TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

SIRI 06/2024



KELEBIHAN 10 HARI TERAWAL ZULHIJJAH

07 Jun 2024 | 29 Zulkaedah 1445H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظَهِّرُهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ

وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ،

وَأَشْهُدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً

عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،

اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَمَنْ

تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، إِتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْتَلِمُونَ.

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh keampunan di dunia dan akhirat.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Terdapat hari-hari tertentu dalam setahun yang ditentukan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala untuk menambah amalan bagi menggandakan pahala kita. Hari ini 7 Jun 2024 bersamaan 29 Zulkaedah 1445 Hijrah, bermakna kita sedang berada di ambang bulan Zulhijjah. Bulan Zulhijjah adalah antara bulan haram yang memiliki keistimewaan yang tersendiri iaitu digandakan pahala ketaatan yang dilakukan. Elakkan daripada melakukan maksiat kerana dosanya turut digandakan.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

مَا الْعَمَلُ فِي أَيَّامِ الْعَشْرِ أَفْضَلُ مِنَ الْعَمَلِ فِي هَذِهِ . قَالُوا وَلَا الْجِهَادُ؟ قَالَ وَلَا
الْجِهَادُ، إِلَّا رَجُلٌ خَرَجَ يُخَاطِرُ بِنَفْسِهِ وَمَا لِهِ فَلَمْ يَرْجِعْ بِشَيْءٍ.

Yang bermaksud: “Tiada amalan yang dilakukan pada hari lain yang lebih baik daripada amalan pada sepuluh hari ini. Para sahabat bertanya: Walaupun jihad? Baginda menjawab: Tidak juga



jihad, kecuali jika seseorang keluar dengan nyawa dan hartanya dan tidak kembali lagi (mati syahid). ”

Hadis ini memberi gambaran bahawa amalan soleh yang dilakukan dalam sepuluh hari terawal dalam bulan Zulhijjah merupakan perkara yang amat disukai oleh Allah Subhanahu wa Taala. Ia lebih baik daripada pahala berjihad. Hanya pahala berjihad sehingga mati syahid yang lebih tinggi kelebihannya daripada beramal pada sepuluh hari terawal dalam bulan Zulhijjah.

Allah Subhanahu wa Taala berfirman dalam Surah al-Fajr ayat 1 hingga 2:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالْفَجْرِ { ۱ }

{ ۲ } وَلِيَالٍ عَشْرٍ

Yang bermaksud: “*Demi waktu fajar. Dan malam yang sepuluh.*”

Dalam ayat ini, Allah Subhanahu wa Taala bersumpah dengan waktu fajar dan malam yang sepuluh. Menurut Imam Ibnu



Kathir Rahimahullah dalam tafsirnya, yang dimaksudkan dengan “malam yang sepuluh” adalah sepuluh hari terawal dalam bulan Zulhijjah. Allah Subhanahu wa Ta’ala juga berfirman dalam Surah al-Hajj ayat 28:

وَيَذْكُرُوا أَسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَعْلُومَاتٍ

Yang bermaksud: “*Dan supaya menyebut nama Allah pada hari-hari yang dimaklumi.*”

“Hari-hari yang dimaklumi” itu adalah sepuluh hari terawal bulan Zulhijjah menurut pandangan jumhur ulama. Maka kita digalakkan banyak berzikir atau menyebut nama Allah pada hari-hari tersebut.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta’ala.

Apabila ditelusuri hadis-hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maka didapati bahawa Baginda banyak mengisi sepuluh hari terawal Zulhijjah ini dengan berzikir, berpuasa sunat dan mendirikan qiamullail. Kita juga dianjurkan supaya membaca al-Quran dan memperbanyakkan tasbih, takbir, tahmid dan tahlil.



Sabda Rasulullah Sallalahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad:

مَا مِنْ أَيَّامٍ أَعْظَمُ عِنْدَ اللَّهِ وَلَا أَحَبُّ إِلَيْهِ الْعَمَلُ فِيهِنَّ مِنْ أَيَّامٍ عَشْرٍ ذِي
 الْحِجَّةِ أَوْ قَالَ : هَذِهِ الْأَيَّامُ ; فَأَكْثُرُوا فِيهِنَّ مِنَ التَّسْبِيحِ وَالْتَّكْبِيرِ
 وَالْتَّحْمِيدِ وَالْتَّهْلِيلِ

Yang bermaksud: “Tiada hari-hari yang lebih agung dan disukai oleh Allah untuk beramat soleh selain sepuluh hari ini. Maka, perbanyakkanlah padanya dengan tasbih, takbir, tahmid dan tahlil.”

Bagi mereka yang akan melakukan ibadah korban pula, dianjurkan supaya tidak memotong, mencabut dan mencukur rambut, bulu mahupun kuku bermula 1 Zulhijjah ini sehingga selesai korban dilakukan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta’ala.

Bermula dengan kedatangan bulan Zulhijjah yang mulia ini, marilah kita berazam meninggalkan segala bentuk maksiat dan perkara yang melalaikan serta bercanggah dengan syarak, dan



gantikanlah dengan program-program yang berfaedah kepada ummah. Kita perlu memperbanyak usaha dakwah dalam kalangan masyarakat agar meningkatkan amal soleh seperti solat berjemaah di masjid, hadir mendengar kuliah-kuliah agama, membaca al-Quran dan seumpamanya.

Ayuhlah kita beramai-ramai mengimarahkan masjid atau surau yang berhampiran dengan kediaman atau tempat kerja kita pada setiap waktu solat. Peliharalah juga kemuliaan bulan ini dengan menjauhi segala perlakuan yang mendatangkan dosa seperti bercakap kotor, mengumpat, mempersia-siakan waktu lapang dan melayari media sosial yang tidak berfaedah. Isilah waktu kita dengan ibadah, puasa awal Zulhijjah, perbanyakkan istighfar dan doa serta bersedekah.

Pada sembilan Zulhijjah nanti, marilah kita bersama-sama menunaikan puasa Arafah bagi yang tidak menunaikan haji. Ia mengandungi kelebihan yang amat besar. Apabila ditanya tentang puasa Arafah, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis riwayat Imam Muslim:



يُكَفِّرُ السَّنَةُ الْمَاضِيَّةَ وَالْبَاقِيَّةَ

Yang bermaksud: “(Puasa pada hari tersebut) akan menghapuskan dosa setahun yang lalu dan akan datang”.

Kesimpulannya bulan Zulhijjah adalah bulan haram yang banyak mempunyai kelebihannya. Sepuluh hari terawal dalam bulan Zulhijjah perlu dimanfaatkan dengan amalan-amalan ibadah seperti puasa awal Zulhijjah, puasa hari Arafah, zikir, doa, bersedekah dan jauhilah segala kemungkaran. Moga-moga kita mendapat keampunan dan ganjaran pahala yang besar di sisi Allah Subhanahu wa Ta’ala.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَسَارِعُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِنْ رَبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتُ

لِلْمُتَّقِينَ



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ،
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.